

08 JUN 2001

Mahathir-Lawat

DR MAHATHIR LAWAT PUSAT PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN NTT

Oleh: Jamaluddin Muhammad

TOKYO, 8 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melawat Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Nippon Telegraph and Telephone Corporation untuk meninjau empat aplikasi multimedia yang baru yang dihasilkan oleh syarikat telekomunikasi dan multimedia Jepun yang terbesar itu.

Ketibaan Perdana Menteri di pusat itu disambut oleh Presiden syarikat berkenaan Junichiro Miyazu.

Keempat-empat aplikasi multimedia yang baru ialah kad pintar, kaedah carian pantas bagi audio dan video, perkhidmatan akses wayarles berkelajuan tinggi dan Hikari soft service.

Kad pintar itu membolehkan penghantaran data membabitkan pelbagai perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan dan sektor swasta ke dalam kad untuk aplikasi kemudian termasuk E-kad pengenalan, E-pasport, E-rekod perubatan, E-wang, E-tiket dan akses internet.

Carian pantas bagi audio dan video ialah teknologi bagi carian serta merta maklumat audio atau video daripada internet atau sumber-sumber data yang lain.

Penggunaan teknologi sekarang, carian audio atau video memerlukan masa yang lama tetapi NTT menjalankan penyelidikan mengenai carian berkelajuan tinggi pada kelajuan 600 kali lebih pantas daripada teknologi sekarang.

Perkhidmatan akses wayarles berkuasa tinggi itu ialah hasil darip[ada pembangunan terminal wayarles ala kad PC dan antara lain membolehkan pengguna membuka stesen penyiaran peribadi dan penonton boleh menerima siaran itu melalui Internet.

Hikari soft service menyediakan perisian multimedia seperti platform perkongsian maklumat dan aplikasi meliputi rangkaian gentian fiber untuk menghantar maklumat seperti kaedah audio visual.

Contohnya, kemudahan pesakit hospital menghubungkan keluarga pesakit di rumah ke hospital di kawasan terpencil menggunakan kaedah video dna audio untuk membolehkan keluarga pesakit berkomunikasi dengan pesakit atau mengawasi keadaan pesakit melalui video berkualiti tinggi tanpa perlu melawat pesakit di hospital.

Menurut Noboru Sato, Pengarah NTT Access Network Service Systems Laboratories, penyelidikan ke atas keempat-empat projek bermula dua atau tiga tahun lalu.

"Produk itu mungkin berada di pasaran dalam tempoh dua atau tiga tahun akan datang," kata beliau.

-- BERNAMA

JM TS FAZ